

MODEL FORUM INTELEK (MFI): KOMUNIKASI DALAM PENERBITAN AKADEMIK

Jasni Ahmad, Wan Hussain Wan Ishak & Syamsul Bahrin Zaibon
Universiti Utara Malaysia

Email: {jasni; hussain; syamsulbahrin}@uum.edu.my

Phone: 04-928{4785; 4786; 4679}, Fax: 04-9284753

***Abstrak :** Penerbitan akademik telah mencapai kejayaan lebih daripada 300 tahun lalu. Proses yang terlibat dalam sesuatu penerbitan akademik adalah lebih kompleks dengan teknologi web sebagai medium komunikasi. Komunikasi yang berkesan amat diperlukan untuk menghubungkan antara penyunting, penulis, dan penilai yang terlibat dalam proses penerbitan akademik melalui suatu forum. Forum komunikasi yang tertutup memberi ruang bagi sesi dialog secara formal antara penilai dan penulis tanpa perlu melalui pihak penyunting. Secara tidak langsung forum ini mempercepatkan proses dalam penerbitan elektronik, mengurangkan perbelanjaan yang berkaitan, membantu pihak pengurusan, mengurangkan ralat komen, dan memperkukuhkan komunikasi interpersonal. Melalui pendekatan ini, satu model komunikasi dibentuk bagi membolehkan golongan intelek membincangkan hal berkaitan penerbitan, yang lebih dikenali sebagai forum intelek. Forum intelek merupakan suatu jalan pintas bagi penyelesaian inovatif melalui rangkaian kerja masa kini secara pendekatan kerjasama daripada pelbagai pihak. Model yang dibangunkan ini, merupakan platform untuk menyokong semua aspek dalam proses komunikasi intelek. Penambahbaikan terhadap model yang sedia ada iaitu model Journals' Online Management Sistem (JOMS) dibentuk bagi mencapai model forum intelek (MFI). Kertas kerja ini membincangkan tentang aliran proses kerja semasa JOMS dan penambahan ciri unik bagi membentuk model MFI yang bercirikan komunikasi antara pelbagai pihak dalam penerbitan akademik melalui web. Model MFI dijangka dapat membantu pihak pengurusan dalam penerbitan akademik, dengan lebih efektif, dan efisien.*

***Kata kunci:** Penerbitan akademik, komunikasi, forum intelek, JOMS, MFI*

PENGENALAN

Penerbitan akademik telah mencapai kejayaan lebih daripada 300 tahun lalu. Proses yang terlibat dalam sesuatu penerbitan akademik adalah lebih kompleks berbanding dengan penerbitan lain. Penerbitan akademik merupakan satu proses yang mempunyai sistem atau peraturan tersendiri yang membolehkan ahli akademik lain membuat rujukan. Proses tersebut perlu ada penilaian yang dilakukan oleh ahli akademik lain yang pakar dalam bidang-bidang yang tertentu. Kebanyakan penerbitan akademik adalah dalam bentuk artikel jurnal dan juga buku akademik.

Kebiasaannya, bidang-bidang akademik yang utama mempunyai jurnal yang tersendiri seperti sains perubatan, sosial, sains komputer, ekonomi, komunikasi dan juga inter-disiplin. Penerbitan akademik adalah diterima sebagai penambahan pengetahuan dalam bidang-bidang tertentu melalui kajian dan ujikaji yang dijalankan.

Jurnal merupakan satu sumber maklumat yang penting dalam mengenengahkan ilmu dan teknologi baru. Tujuannya adalah untuk mendorong dan menyebarkan teori penyelidikan dalam pelbagai bidang ke seluruh komuniti akademik sama ada di peringkat kebangsaan atau antarabangsa. Menurut Stemmer (2000), fungsi jurnal adalah untuk penyebaran maklumat, pemantauan piawaian kualiti, memelihara sumber, dan pengiktirafan penulis. Oleh itu, penerbitan jurnal merupakan suatu isu penting dalam komuniti akademik amnya.

Secara umumnya aktiviti pengurusan penerbitan jurnal memerlukan masa yang agak lama dengan menggunakan aliran proses-proses penerbitan yang perlu dilalui. Proses akan bermula dari penerimaan artikel oleh penulis kepada ketua editor dan sehinggalah kepada hasil akhir dalam bentuk cetakan yang sedia untuk dijual dan diedarkan.

Komunikasi yang berkesan amat diperlukan dalam proses penerbitan jurnal. Pihak yang penting dalam penerbitan jurnal adalah seperti penyunting, penulis, dan penilai. Dalam pengurusan penerbitan jurnal, proses komunikasi perlukan medium yang efektif dan efisien supaya proses penerbitan berjalan lancar dan dapat menghasilkan jurnal yang berkualiti. Dengan perkembangan teknologi maklumat, medium komunikasi semakin mudah dan banyak pilihan. Perkembangan dan perubahan teknologi ini merangsangkan cara berkomunikasi dan pengurusan. Begitu juga dengan pengurusan penerbitan jurnal boleh diaplikasi dengan teknologi maklumat untuk memberi kemudahan komunikasi antara pihak yang terlibat dengan lebih efisien dan efektif.


Kertas kerja ini akan membincangkan proses penerbitan jurnal dalam seksyen 2.0. Seksyen 3.0 pula menjelaskan tentang Model Forum Intelek (MFI), dan seksyen 4.0 menerangkan dengan lebih lanjut berkenaan dengan Journal Online Management Sistem (JOMS). Di akhir kertas kerja ini kesimpulan diperbincangkan.

PENERBITAN JURNAL


Pengurusan penerbitan jurnal sememangnya satu proses yang kompleks. Menurut Roberts (1999), dengan berkembangnya pengkhususan bidang dan tekanan kesinambungan penerbitan, komuniti akademik telah menambahkan bilangan artikel untuk diterbitkan dalam jurnal. Kebanyakan mereka ingin menghantar artikel tersebut dengan cara yang mudah dan dapat diterbitkan dalam jangkamasa yang pendek untuk memastikan artikel mereka boleh disebar dengan meluas. Roberts (1999) juga menyatakan penerbitan jurnal memerlukan masa yang lama untuk diproses. Terdapat satu lagi isu iaitu proses menangani dan menilai artikel (Syamsul Bahrin *et al.*, 2003). Proses pemilihan artikel terbaik dari ratusan yang diterima juga mengambil masa dan tugas yang sukar.

Penglibatan pelbagai pihak dalam proses penerbitan jurnal adalah satu sebab mengapa proses ini agak kompleks. Pihak yang terlibat termasuklah penulis, ketua editor, penilai, dan jawatankuasa editor yang lain. Pengurusan penerbitan jurnal agak sama dengan pengurusan penerbitan prosiding cuma perbezaannya dari segi proses penilaian yang dilakukan untuk artikel jurnal adalah lebih teliti.

Proses penerbitan jurnal mempunyai pelbagai peringkat. Rajah 1 (Jasni *et. al*, 2004) menunjukkan proses penerbitan jurnal secara umum. Bermula dengan penulis menghantar artikel kepada editor melalui e-mail atau pos. Kemudian, artikel tersebut dihantar oleh editor kepada penilai yang dilantik untuk proses penilaian. Apabila artikel tersebut telah lulus dalam penilaian tersebut, maka pihak editor akan menjalankan proses memformat dan mengedit artikel tersebut. Akhirnya, semua artikel yang diterima akan dikumpulkan dan dihantar untuk tujuan percetakan sama ada dalam bentuk cetakan di atas kertas atau elektronik dan sedia untuk diedarkan.



Rajah 1: Proses Aliran Kerja Penerbitan Jurnal



Rajah 2: Proses Aliran Kerja Penerbitan JICT

Syamsul Bahrin *et al.* (2004) membincangkan tentang proses penerbitan jurnal iaitu *Journal of Information and Communication Technology* (JICT) yang diterbitkan oleh Fakulti Teknologi Maklumat (FTM), Universiti Utara Malaysia. Aktiviti pengurusan penerbitan JICT oleh FTM juga memerlukan masa yang agak lama dengan menggunakan aliran proses-proses penerbitan sedia ada. Proses akan bermula dari penerimaan artikel oleh penulis kepada ketua editor dan sehinggalah kepada hasil akhir dalam bentuk cetakan yang sedia untuk dijual dan diedarkan.

Rajah 2 menunjukkan aliran kerja semasa dalam proses penerbitan JICT. Merujuk kepada Rajah 2, kertas kerja yang diterima akan disemak oleh Ketua Editor dan keputusan dibuat sama ada kertas kerja tersebut memenuhi skop jurnal atau tidak. Sekiranya memenuhi, kertas kerja tersebut akan diserahkan kepada penilai. Sebaliknya, kertas kerja akan dihantar semula kepada penulis. Kertas kerja yang siap dinilai akan dikembalikan kepada penulis untuk penyediaan *camera ready paper (CR)*. CR kemudiannya akan melalui proses pemformatan dan cetakan. Jurnal yang telah siap akan diserahkan kepada biro promosi untuk urusan edaran dan jualan. Proses semasa dalam penyerahan kertas kerja serta maklum balas penerimaan adalah melalui surat dan email.


MODEL FORUM INTELEK (MFI)

Komunikasi yang berkesan amat diperlukan untuk menghubungkan antara penyunting, penulis, dan penilai yang terlibat dalam proses penerbitan akademik melalui suatu forum. Forum komunikasi yang tertutup memberi ruang bagi sesi dialog secara formal antara penilai dan penulis tanpa perlu melalui pihak penyunting. Secara tidak langsung forum ini mempercepatkan proses dalam penerbitan elektronik, mengurangkan perbelanjaan yang berkaitan, membantu pihak pengurusan, mengurangkan ralat komen, dan memperkukuhkan komunikasi interpersonal. Melalui pendekatan ini, satu model komunikasi dibentuk bagi membolehkan golongan intelek membincangkan hal berkaitan penerbitan, yang lebih dikenali sebagai forum intelek.

Jawatankuasa penerbitan mempunyai kepakaran yang mencukupi untuk mereka bentuk satu model yang dikenali sebagai Model Forum Intelek (MFI). Model ini adalah lanjutan kepada kaedah penerbitan jurnal secara percetakan. MFI ini mempunyai beberapa kepentingan dalam proses penerbitan iaitu:

- MFI dapat menyokong dan mengukuh komunikasi antara beberapa pihak (penulis, penilai) secara formal melalui teknologi rangkaian kerja. Rajah 3, menjelaskan hubungan komunikasi interpersonal antara penulis, penilai, dan jawatan kuasa penerbitan.
- MFI dapat mengurangkan masa dan kos penerbitan.
- MFI dapat mengurangkan ralat dalam penghantaran maklumat.
- MFI dapat mengurangkan beban tugas pihak jawatankuasa.


Forum intelek ini merupakan suatu jalan pintas bagi penyelesaian inovatif melalui rangkaian kerja masa kini secara pendekatan kerjasama daripada pelbagai pihak. Model yang dibangunkan ini, merupakan platform untuk menyokong semua aspek dalam proses komunikasi intelek. Penambahbaikan terhadap model yang sedia ada iaitu model Journals' Online Management Sistem (JOMS) dibentuk bagi mencapai model forum intelek (MFI).



Rajah 3: Hubungan komunikasi pelbagai pihak


JOURNAL ONLINE MANAGEMENT SISTEM (JOMS)

Journal Online Management Sistem (JOMS) merupakan suatu inovatif dalam penerbitan dan pengurusan jurnal. Matlamat utama sistem ini adalah untuk membantu memudahkan urusan penyerahan artikel, muat turun artikel baru, penyerahan artikel kepada penilai, pemulangan artikel dan komen kepada penulis, penyimpanan dan hebahan maklumat keluaran terkini, tempahan jurnal, pengurusan jawatankuasa kerja, dan penyebaran maklumat am mengenai penerbitan jurnal. Rajah 4 menunjukkan antaramuka utama homepej JICT.




Rajah 4: Antaramuka utama homepej JICT

Rajah 5 menunjukkan contoh paparan kandungan JICT. Setiap keluaran JICT akan didaftarkan ke dalam JOMS (Rajah 6). Maklumat seperti edisi, bilangan, mukasurat, dan abstrak akan disimpan dalam JOMS. Ringkasan maklumat ini akan dipaparkan sebagai pautan bagi membolehkan pelawat melihat senarai arikel yang ada dalam keluaran tersebut.




Rajah 5: Senarai kandungan



Rajah 6: Pengurusan keluaran JICT

Homepej JICT hanya membenarkan pengguna membaca abstrak sahaja. Bagi mendapatkan artikel penuh, pelawat perlu membuat tempahan dan membeli keluaran berkenaan dari Fakulti Teknologi Maklumat. Rajah 7 menunjukkan borang tempahan atas talian bagi tujuan tempahan jurnal JICT. Pengguna akan diminta supaya memilih keluaran yang dikehendaki. Setelah selesai proses ini, paparan ringkasan tempahan

yang mengandungi senarai keluaran yang telah dipilih beserta jumlah bayaran yang dikenakan akan dipaparkan. Pihak pengurusan JICT akan dapat melihat tempahan ini melalui halaman pentadbiran.



Alternatif kaedah tempahan

Borang tempahan


Senarai tempahan

Rajah 7: Tempahan melalui homepej

Halaman pentadbiran (Rajah 8) bukan sahaja berperanan untuk menguruskan keluaran JICT tetapi juga pengurusan jawatankuasa kerja. Kebanyakan maklumat yang diuruskan melalui halaman ini akan dipaparkan untuk rujukan dan maklumat kepada pelawat dan penulis artikel.

Rajah 9 pula menunjukkan paparan skrin bagi penyerahan artikel secara atas talian. Kaedah ini merupakan alternatif kepada kaedah penyerahan manual dan e-mail. Sebelum membawa naik dokumen penulis perlu memasukkan maklumat mengenai artikel serta maklumat penulis. Setelah selesai proses penyerahan artikel, JOMS akan menjana e-mail secara automatik bagi memaklumkan kepada penyunting dan penulis mengenai artikel tersebut. Seterusnya, pihak penyunting akan masuk ke laman pentadbiran bagi membawa turun artikel tersebut.

Artikel berkenaan akan diteliti oleh penyunting bagi memastikannya memenuhi skop yang telah ditetapkan, asli, dan kualiti penulisan yang baik. Seterusnya, artikel berkenaan akan dihantar kepada penilai untuk dinilai terutama dari aspek mutu kandungan dan kualiti penulisan. Sewaktu proses penilaian nama penulis dirahsiakan, penilai lazimnya, hanya boleh berkomunikasi dengan penyunting sahaja. Penulis juga tidak mengetahui siapa penilai mereka. Dengan kata lain, dalam sistem penerbitan dan penilaian sedia ada penulis dan penilai tidak boleh berhubung. Jesteru itu, perbincangan antara mereka juga tidak boleh dilakukan.




Tambah editorial

Kemaskini maklumat editorial

Tambah jawatan-kuasa kecil

Kemaskini Jawatankuasa kecil

Rajah 8: Pengurusan jawatankuasa




Alternatif kaedah penyerahan

Borang penyerahan

Senarai artikel yang diterima

Rajah 9: Penyerahan dan paparan artikel yang dihantar melalui homepej JICT

MFI diintegrasikan dalam JOMS bagi membolehkan komunikasi antara penulis, penilai, dan penyunting berlaku. Bagi menyembunyikan identiti penulis dan penilai, kedua-dua identiti ini akan disembunyikan. Penilai hanya dapat melihat tajuk artikel dan nombor rujukan sahaja. Melalui maklumat ini, penilai akan menghantar pesanan atau pertanyaan kepada penulis. Penulis boleh membalas pesanan tersebut dengan menggunakan nombor rujukan penilai. Rajah 10 menggambarkan operasi keseluruhan JICT serta komunikasi di antara penulis, penilai, dan penyunting (jawatankuasa penerbitan).



Rajah 10: Gambaran operasi JOMS

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Jurnal adalah merupakan satu penerbitan akademik yang bertujuan menyebarkan maklumat hasil penyelidikan dalam pelbagai bidang oleh pakar penyelidik di peringkat kebangsaan mahu pun antarabangsa. Proses penerbitan jurnal yang kompleks ini telah diperkemas melalui penggunaan teknologi rangkaian secara atas-talian bagi menggantikan kaedah manual. Atas kepentingan ini, maka JOMS telah diperkenalkan bagi memudahkan proses penerbitan jurnal. Elemen komunikasi yang melibatkan pelbagai pihak juga dipertengahan supaya ianya lebih efisien dalam proses penerbitan jurnal. Sesi komunikasi ini akan membentuk satu forum yang terdiri daripada para intelek. Maka dengan itu, terbentuklah satu model forum intelek yang dikenali sebagai MFI. MFI telah diintegrasikan dalam JOMS bagi menyokong dan mengukuhkan komunikasi berkesan, menjimatkan masa dan kos, dan seterusnya menyokong ke arah penerbitan jurnal yang efektif dan efisien.

RUJUKAN

- Buck, A. M., Flagan, R. C., & Coles, B. (1999). *Scholars' forum: a new model for scholarly communication*. California Institute of Technology, Pasadena, CA.
- Jasni Ahmad, Wan Hussain Wan Ishak and Syamsul Bahrin Zaibon (2004). A Framework for JOMS: A Proposal. In *Prosiding Seminar Kebangsaan Sosio-Ekonomi dan IT ke-2, Jilid 2*, pp.: 625-631, Universiti Utara Malaysia.
- Roberts, P. (1999). Scholarly Publishing, Peer Review and the Internet. *First Monday*. Retrieved June 20, 2004 from http://www.firstmonday.dk /issues/issue4_4 /proberts/index.htm.
- Stemmer, B. (2000). The silent revolution in electronic publishing and its relevance for the mind and brain sciences. Retrieved June 20, 2004 from <http://cogprints.ecs.soton.ac.uk/archive/ 00000149/00/tenlink0012j.PDF>
- Syamsul Bahrin Zaibon, Wan Hussain Wan Ishak and Jasni Ahmad (2004). JOMS: Kearah e-pengurusan dalam penerbitan jurnal. In *Prosiding Seminar Kebangsaan Komunikasi ke-2, Volume 2* pp.: 386-394, Universiti Utara Malaysia.
- Syamsul Bahrin, Z., Wan Hussain, W. I., Abdul Razak, R. & Mohd Sobri, M. (2003). Conference Management Sistem: An Online DSS for Conference Secretariat. In *Prosiding Seminar Sains Pemutusan 2003*. Universiti Utara Malaysia. pp.115–120.
- Wan Hussain Wan Ishak and Syamsul Bahrin Zaibon (2004). Designing and Developing CMS for KMICE 2004: An Experience. In *Prosiding Seminar Kebangsaan Sosio-Ekonomi dan IT ke-2, Jilid 2*, pp.: 585-590, Universiti Utara Malaysia.